

BULETIN INTEGRITI

OCTOBER, 2023 | JILID 2, ISU 4

21 JUN 2023 - LAWATAN
KE IBU PEJABAT SPRM
PUTRAJAYA



MEMBINA KOMITMEN ORGANISASI BERINTEGRITI

PEKERJA / KAKITANGAN merupakan aset terpenting dalam sesebuah organisasi yang berperanan dalam menentukan hala tuju dan matlamat sesebuah organisasi tersebut supaya terlaksana dan tercapai.

Setiap individu perlu memberi sepenuh komitmen terhadap organisasi yang disertai bagi meningkatkan produktiviti organisasi tersebut menerusi tanggungjawab yang dipikul. Selain itu, kerjasama antara pihak pengurusan dan kakitangan amat penting terutama dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi.

Oleh yang demikian, untuk mewujudkan organisasi yang efektif dan efisien, pihak pengurusan perlu memahami beberapa elemen penting berkenaan gelagat manusia demi membentuk ahli-ahli dalam organisasi yang berkualiti kerana masalah utama dalam pengurusan organisasi berpunca daripada orang-orang dalam organisasi itu sendiri.

RENUNGAN INTEGRITI

AMANAH atau INTEGRITI merupakan salah satu sifat mulia yang dizahirkan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ
إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ
أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا
يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا
بَصِيرًا

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Surah An Nisa : Ayat 58


KEPIMPINAN SEBAGAI AMANAH

Kepimpinan memainkan peranan penting dalam usaha membudayakan etika dan integriti dalam kalangan ahli dan organisasi.

Seseorang ketua atau pemimpin dalam sesebuah organisasi penting bagi melaksanakan syariat Allah S.W.T di atas muka bumi ini, selain menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan ramai serta bagi mengelakkan daripada berlakunya pertelingkahan antara mereka.

Seseorang pemimpin perlu melaksanakan tugas secara berhati-hati dan tiada niat untuk mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi dalam menjalankan amanahnya.

Pemimpin juga dijanjikan azab oleh Allah S.W.T di akhirat kelak sekiranya GAGAL melaksanakan tugas dengan adil dan mengabaikan kebajikan pekerja. Itulah beratnya tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang pemimpin.




17 - 19 SEPT 2023 - RETREAT PENGURUSAN 2024

Etika & Integriti dalam perkhidmatan perlu diperlihatkan oleh pemimpin melalui pelaksanaan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan ke atas dirinya demi kepentingan umum dan organisasi.

Tuntasnya, integriti pemimpin yang boleh dipersoal akan menyebabkan integriti organisasi atau kumpulan manusia yang dipimpinnya turut dipertikaikan.

OLEH: NALISA MAZLIN BINTI MOHD TARMIZI



“Integrity without knowledge is weak and useless, and knowledge without integrity is dangerous and dreadful...”

“Whoever is careless with the truth in small matters cannot be trusted with important matters”

ALBERT EINSTEIN